



6 Jun 2017
6 June 2017
P.U. (A) 163

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN PENAMATAN PERKHIDMATAN) (PINDAAN) 2017

*PUBLIC OFFICERS (APPOINTMENT, PROMOTION AND
TERMINATION OF SERVICE) (AMENDMENT)
REGULATIONS 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT
DAN PENAMATAN PERKHIDMATAN) (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (2) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) (Pindaan) 2017.**

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2017.

Pindaan peraturan 4

2. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U. (A) 1/2012], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 4 dengan memasukkan selepas takrif “penanggungan kerja” takrif yang berikut:

‘ “penempatan khas” ertiaya penempatan seseorang pegawai secara khusus untuk mengisi apa-apa jawatan sedia ada dalam skim perkhidmatan sama atau lain tanpa mengira sama ada gred jawatan itu sama dengan, atau lebih tinggi daripada, gred hakiki pegawai itu;’.

Peraturan baharu 13A

3. Bahagian II Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 13 peraturan yang berikut:

“Penempatan khas”

13A. (1) Mana-mana pegawai boleh ditempatkan untuk mengisi sesuatu jawatan secara penempatan khas tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

(2) Penempatan khas yang dibuat di bawah peraturan ini tidak boleh disifatkan sebagai suatu kenaikan pangkat bagi pegawai itu.”.

Pindaan peraturan 36

4. Subperaturan 36(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “atau”;
- (b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; atau”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:
“(c) apabila seseorang pegawai itu dikenakan hukuman tatatertib oleh pihak berkuasa tatatertib, mengikut tempoh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.”.

Pindaan peraturan 44

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 44 dengan peraturan yang berikut:

“Penentuan gaji kenaikan pangkat”

44. (1) Gaji permulaan bagi seseorang pegawai yang dinaikkan pangkat hendaklah pada amaun gaji yang lebih tinggi daripada amaun gaji akhir di gred terdahulu.